Keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan pada tahun 1997 telah menetapkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan yang setaraf dengan mata pelajaran lain di Sekolah Kebangsaan. Selanjutnya, dalam jangka waktu tahun 1996 dan 1997 BPK telah melaksanakan program projek rintis di 94 buah Sekolah Kebangsaan seluruh negara (KPM, 1997). Rajah 1.1 menunjukkan pelaksanaan program projek rintis lengkap pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan.

Rajah 1.1

Pelaksanaan Program Projek Rintis Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan

	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Tahun 3	Rintis	Rintis				
Tahun 4	-	Rintis	Rintis			
Tahun 5	-	-	Rintis	Rintis		
Tahun 6	-	-	-	Rintis	Rintis	

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), KPM telah memperkenalkan Dasar Memperkasakan Sekolah Kebangsaan dengan tujuan menjadikan Sekolah Kebangsaan tetap menjadi pilihan utama masyarakat Malaysia. Dalam usaha untuk menarik minat murid pelbagai latar belakang etnik untuk belajar di Sekolah Kebangsaan dan memberi mereka peluang untuk mempelajari bahasa-bahasa lain, KPM telah memperkenalkan mata pelajaran Bahasa Tamil Komunikasi (BTK).



BTK diperkenalkan pada tahun 2005 kepada 6,973 murid di 76 buah Sekolah Kebangsaan di seluruh Malaysia. Pada tahun 2007, KPM menggantikan BTK dengan program Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK). Setelah itu, mata pelajaran bahasa Tamil dirintis di 70 buah Sekolah Kebangsaan pilihan. Cabaran yang dihadapi oleh KPM adalah untuk memperluas pengajaran Bahasa Tamil ke Sekolah Kebangsaan yang memiliki murid dari pelbagai etnik (KPM, 2006).

Dalam program BTSK ini, kelas bahasa Tamil yang sebelumnya ditawarkan kepada murid India, kini ditawarkan kepada semua murid tanpa mengira latar belakang etnik dan agama mereka, dengan tujuan mendorong etnik-etnik lain untuk mempelajari bahasa dan sekaligus menggalakkan perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia (Chew & Sivabalan, 2019). Dapat dikenal pasti bahawa sistem pendidikan di peringkat sekolah rendah di Malaysia telah mengalami perkembangan dari Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) ke Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Pada tahun 2010, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) telah mengalami transformasi, di mana ia telah diperkuat, diperbaiki, dan kemudian dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Dalam rangkaian Kurikulum KSSR ini, bahasa Tamil diajar di Sekolah Kebangsaan sebagai mata pelajaran elektif (bahasa tambahan) yang menjadi pilihan murid untuk dipelajari, dan tidak dianggap sebagai mata pelajaran pentaksiran seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris pada peringkat kemasukan ke tingkatan satu. Oleh itu, penilaian terhadap kemahiran bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan hanya dapat dilakukan melalui peperiksaan yang dijalankan di peringkat sekolah, juga dikenali sebagai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). Walau bagaimanapun, penilaian ini tidak dapat dilaksanakan secara selaras disebabkan pentaksiran ini dijalankan di setiap sekolah mengikut keperluan murid masing-masing.





1.2.2 Cabaran Menguasai Kemahiran Menulis Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan

Dalam merangka dasar Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan tahun satu, BPK telah menetapkan tiga standard kandungan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis yang diharapkan untuk dicapai oleh semua murid. Standard kandungan yang pertama adalah menulis dengan cara yang betul dan kemas. Standard kandungan kedua melibatkan membina dan menulis perkataan dan frasa manakala Standard kandungan yang ketiga pula berkaitan dengan membina ayat (KPM, 2016).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya berfokus kepada standard kandungan pertama dalam kemahiran menulis iaitu menulis dengan cara yang betul dan kemas.

Hasil tinjauan menunjukkan bahawa pencapaian kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan masih belum mencapai tahap yang memuaskan (JPNPP, 2020). Walaupun demikian, perhatian terhadap isu ini nampaknya kurang dan usaha untuk meningkatkan kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan tidak sepenuhnya diperhatikan.

Sementara itu, KPM bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah mengambil pelbagai langkah bagi merancang program-program unggulan dalam meningkatkan kemahiran menulis dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Antara program tersebut termasuk Program Pemulihan 3M (PROTIM) dan Kelas Pemulihan Bahasa Melayu (KPBm) yang bermula pada tahun 2004, Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis (KIA2M) diperkenalkan pada tahun 2006, pelaksanaan Dasar Memartabatkan Bahasa



Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang dilakukan secara berperingkat mulai tahun 2010, pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) dari tahun 2010 hingga 2018, pembentukan Program Linus Literasi Bahasa Inggeris (LINUS 2.0) diwujudkan pada tahun 2013-2018, pelaksanaan Program Janji Lulus (JILUS) diperkenalkan pada 2016, pelaksanaan Highly Immersive Programme (HIP) yang dimulai pada tahun 2016, serta pelaksanaan Primary Literacy and Numeracy atau Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) dilancarkan pada tahun 2020 (BPK, 2023). Namun, jika dibandingkan dengan mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, mata pelajaran bahasa Tamil tidak memiliki program pemulihan menulis yang sebanding. Oleh itu, para pendidik memiliki tanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan langkah-langkah yang efektif serta perlu memahirkan diri dalam penggunaan pelbagai kaedah pengajaran bagi memastikan murid bukan penutur natif tahun satu Sekolah Kebangsaan mencapai tahap kemahiran menulis seperti digariskan dalam DSKP BTSK tahun satu oleh BPK.

1.2.3 Keadah Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan

Dalam menguasai kemahiran bahasa, pelbagai kaedah pengajaran digunakan yang selaras dengan perkembangan zaman teknologi dan kurikulum mata pelajaran masing-masing yang berlaku (Nurul Husna & Hafizhah, 2023). Menurut buku teks dan buku aktiviti bahasa Tamil KSSR (Semakan) 2017 tahun satu Sekolah Kebangsaan, kaedah tradisional dengan mengenalkan *Nedungkanakku* (நெடுங்கணக்கு) diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan. Kaedah ini membantu murid untuk mempelajari huruf-huruf bahasa Tamil dengan mudah dan

menulisnya dengan betul tanpa kesilapan. Contohnya, barisan huruf vokal (அ, ஆ, இ, ஈ, உ, ஊ, எ, ஏ, ஐ, ஒ, ஓ, ஔ) yang terdiri daripada 12 huruf. Dengan menggunakan kaedah ini, murid dapat membaca, mengingat dan menulis semua huruf vokal tersebut tanpa melepaskan mana-mana huruf dalam barisan tersebut (Venkatesan, 2019).

Namun begitu, kaedah tradisional, ternyata tidak mencukupi untuk membantu murid bukan penutur natif dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Tamil dengan sepenuhnya. Ini disebabkan oleh fakta bahawa dalam buku teks BTSS tahun satu, hanya diajarkan menulis huruf mengikut urutan nombor untuk 12 huruf vokal, tiga huruf konsonan, dan enam huruf *grantha* sahaja. Selain itu, hanya teknik menulis perkataan dan frasa pada garis lima ditunjukkan. Dalam buku aktiviti pula, hanya terdapat latihan untuk menghubungkan titik dan membentuk huruf, namun hanya diberikan untuk 12 huruf vokal dan satu huruf *aaitham*. Latihan selanjutnya melibatkan menulis 12 huruf vokal, satu huruf *aaitham*, 18 huruf konsonan, 216 suku kata bahasa Tamil, dan 8 huruf *grantha* dalam bentuk perkataan dan frasa (Sarmellaa & Kumaraguru, 2017).

1.2.4 Kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk* dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Tamil

Kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk* diperkenalkan pada tahun 1950-an sebagai salah satu pendekatan dalam pengajaran kemahiran menulis bahasa Tamil. Menurut Suppurettiyar (1957), kaedah ini adalah pendekatan yang efektif untuk mengajar kemahiran menulis bahasa Tamil. Penggunaan kaedah ini dalam pengajaran asas

kemahiran menulis membantu murid dalam membentuk tulisan yang betul dan kemas. Somasundram (1960), juga menyatakan bahawa penggunaan kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk* amat berjaya dalam meningkatkan tahap penguasaan kemahiran menulis murid pada peringkat awal.

Melalui kajian tinjauan yang dilakukan oleh pengkaji, ternyata pada tahun 1980-an *Central Institute of Indian Languages* (CIIL) di Mysuru dan *Tamil Virtual Academy* (TVA) di Tamil Nadu telah melaksanakan kaedah yang hampir serupa dengan kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk* dan gabungan kaedah fonik dalam sukatan pelajaran bahasa Tamil, khusus untuk pelajar bukan penutur natif yang mempelajari bahasa Tamil sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Edisi pertama sukatan pelajaran tersebut diterbitkan pada tahun 1980. Lanjutan daripada usaha ini, ratusan pelajar bukan penutur natif bahasa Tamil dari seluruh dunia dapat menguasai kemahiran menulis dengan berkesan. Selain itu, kandungan edisi ketiga sukatan pelajaran ini telah diterbitkan oleh CIIL, setelah melalui proses ujian lapangan yang berlangsung lebih dari satu dekad (Pattanayak & Thirumalai, 2004).

Di samping itu, *Tamilcube Learning Centre* telah menggunakan kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk* dalam kurikulum kemahiran menulis bahasa Tamil yang dirancang khusus bagi mereka yang ingin belajar bahasa Tamil sebagai bahasa kedua. *Tamilcube Learning Centre* merupakan sebuah institusi premium swasta terkemuka dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil dan berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Singapura. Dengan pengalaman lebih dari 15 tahun, institusi ini menerapkan pendekatan pengajaran yang moden, interaktif, dan dwibahasa dengan sumber, produk, dan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti. Institusi ini



menyampaikan kurikulum bahasa Tamil melalui program dalam talian (*Tamilcube's Tamil Online Programme*), memberikan fleksibiliti belajar terutamanya kepada murid bukan penutur natif dari seluruh dunia (TamilCube Academy, 2022).

Di samping itu, Muniisvaran, Ilangkumaran, dan Meenambigai, (2018) dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI telah memberi nama kepada kaedah ini sebagai *Grouping the Shapes of Letters Method* (GSL). Menurut kajian mereka, murid bukan penutur natif yang belajar bahasa Tamil sebagai bahasa kedua sering mengalami kesukaran dalam menulis sejumlah besar huruf bahasa Tamil dengan betul yang terdiri daripada 286 huruf termasuk 4 x 13 huruf *grantha*. Maka, kaedah GSL adalah satu pendekatan yang sesuai untuk mengajar kemahiran menulis bahasa Tamil kepada pelajar bukan penutur natif. Kaedah ini juga membantu pelajar bukan penutur natif belajar menulis huruf bahasa Tamil dalam bentuk yang betul dengan mudah dalam masa yang singkat.

Pada peringkat permulaan, pendekatan mengajar murid menulis huruf mengikut sistem *Nedungkanakku* bukan satu pendekatan yang paling sesuai. Ini kerana setiap huruf mempunyai strok tulisan yang berbeza dan bentuk yang tidak seragam. Mengajar murid menulis huruf berdasarkan strok menegak dan mendatar, diikuti strok lengkung dan akhirnya strok *suli* (சுழி) akan lebih meningkatkan peluang untuk murid menulis huruf dengan betul serta dapat menghasilkan tulisan tangan yang lebih jelas. Dengan menggunakan kaedah ini, murid-murid lebih mudah memahami cara menulis huruf mengikuti perkembangan strok tulisan (Amy Smith, 2017).



Ramamoorthy (1990), telah mencadangkan tiga idea untuk memudahkan belajar kemahiran menulis bahasa Tamil kepada mereka yang baru memulai pembelajaran bahasa Tamil. Salah satu idea ini adalah memperkenalkan huruf-huruf yang lebih mudah sebelum yang lebih kompleks. Pengkaji telah menggunakan idea ini untuk mengubahsui kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk* yang telah ada sebelum ini, dengan tujuan untuk memudahkan proses pembelajaran dan menyeleraskan kaedah tersebut dengan keperluan murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan.

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk* dengan latihan menulis pada lima garis. Menurut Ch'ng dan Aznan (2021), penggunaan kertas bergaris membantu murid untuk menentukan di mana mereka harus memulakan dan mengakhiri tulisan huruf. Tambahan pula, penggunaan garis-garis ini membantu murid dalam membentuk huruf dengan ciri-ciri tulisan yang baik. Dasar penggunaan lima garis juga membantu murid dalam menulis huruf mengikut bentuk penghurufan yang betul seperti yang dijelaskan oleh Ratthinasabapathy (2000).

Pandangan Shahidatul (2012), juga mengatakan bahawa penggunaan lembaran dan latihan kerja pada kertas bergaris merupakan salah satu kaedah yang sering digunakan dalam membantu pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis. Selain itu, pandangan Hapni Abang (2012), juga menunjukkan bahawa penggunaan garis tiga membawa kepada peningkatan dan perkembangan menunjukkan peningkatan dan kemajuan murid dalam penguasaan kemahiran menulis terutamanya dalam membentuk huruf-huruf yang dipelajari dengan bentuk yang betul dan kemas. Berdasarkan tinjauan ini, pengkaji telah membangunkan satu kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk 5G* (lima

garisan) yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan.

1.3 Pernyataan Masalah

Pembelajaran bahasa telah menjadi sesuatu yang sangat penting dalam konteks global semasa. Dalam era globalisasi dan interaksi antarabangsa yang semakin pesat, kemahiran berbahasa yang melampaui bahasa ibunda menjadi semakin penting. Pembelajaran bahasa kedua atau ketiga selain daripada bahasa ibunda adalah bukan fenomena baru bagi rakyat Malaysia. Sejak tahun 60-an, kerajaan Malaysia telah memberikan perhatian serius terhadap pembelajaran bahasa ketiga dengan tujuan utama membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan penduduk dari pelbagai bangsa, memperluas peluang pekerjaan, dan memperoleh akses kepada maklumat yang diinginkan (Rowinah Jakiwa, 2012).

Oleh kerana itu, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengukuhkan akses dan peluang bagi mempelajari bahasa-bahasa lain di Malaysia. Tujuannya adalah untuk memastikan semua murid dari pelbagai kumpulan etnik dan komuniti dapat belajar sekurang-kurangnya tiga bahasa yang meliputi Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Arab serta bahasa-bahasa lain supaya murid bukan hanya mahir dalam bahasa ibunda sahaja (Chuah, Ngoi & Khalidar, 2020). Seiring dengan itu, PPPM 2013-2025 berhasrat untuk memastikan setiap murid menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, dan bahasa komunikasi antarabangsa serta memiliki peluang untuk mempelajari bahasa

tambahan. Kepelbagaian kaum Malaysia yang unik dan warisan berbilang budaya memberikan kelebihan daya saing kepada semua warga dengan peluang untuk mempelajari bahasa Cina dan bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan.

Dewasa ini, bahasa Tamil diajar sebagai mata pelajaran elektif (bahasa tambahan) di Sekolah Kebangsaan, memberi peluang kepada murid bukan penutur natif untuk mempelajarinya. Pembinaan kurikulum bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan mempertimbangkan pendekatan pengajaran bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan dan bahasa kedua. Ini bermakna bahawa murid-murid yang belajar di Sekolah Kebangsaan akan mula belajar bahasa Tamil dari tahap asas. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil inisiatif menyemak dan membuat penambahbaikan dalam Kurikulum Standard Bahasa Tamil (BTSK) Sekolah Kebangsaan melalui proses penyemakan dan penambahbaikan reka bentuknya. Kurikulum BTSK merangkumi standard kandungan, standard pembelajaran dan standard pencapaian yang didokumentasikan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Tamil (DSKP).

Standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi ini merangkumi pernyataan tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang perlu dikuasai oleh murid. Walaubagaimanapun, kajian sebelum ini telah menunjukkan beberapa cabaran dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kurikulum ini. Tambahan pula, bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan bukan satu mata pelajaran penilaian seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pada peringkat kemasukan ke tingkatan satu. Penilaian kemahiran bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan biasanya

dilakukan melalui peperiksaan yang dijalankan di peringkat sekolah. Peperiksaan tersebut digelar sebagai Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Ini membawa kepada kesimpulan bahawa keberkesanan pembelajaran bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan masih kurang memuaskan. Kajian mengenai *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan* yang dilakukan oleh Chew dan Sivabalan (2019), menguatkan pandangan di atas dengan menyatakan bahawa pencapaian murid bukan penutur natif dalam kemahiran bahasa Tamil berada pada tahap prestasi sederhana dan memuaskan. Keadaan ini menggambarkan bahawa prestasi pembelajaran bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan belum mencapai matlamat yang diinginkan oleh KPM.

Antara kemahiran bahasa Tamil yang perlu dikuasai oleh murid bukan penutur natif, sebagaimana yang dijelaskan dalam standard kandungan dan standard pembelajaran DSKP BTSK, termasuk kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kesemua kemahiran ini saling berkaitan dan melengkapi antara satu sama lain. Namun, kemahiran menulis memiliki kepentingan yang istimewa, terutama dalam konteks pembelajaran bahasa asing. Ketika murid mengembangkan kemahiran menulis, ini juga akan memberi kesan positif kepada perkembangan kemahiran mendengar, bertutur, dan membaca. Ini membuktikan bahawa kemahiran menulis memegang peranan yang penting dalam meningkatkan penguasaan keseluruhan terhadap suatu bahasa (Sopian, 2019).

Walaupun perkembangan teknologi telah mengurangkan keperluan untuk berkomunikasi melalui tulisan, namun penting untuk diingat bahawa kemahiran



menulis tetap memainkan peranan penting bagi murid-murid di peringkat sekolah rendah. Tanpa kemahiran menulis yang baik dan mudah dibaca, murid-murid akan menghadapi kesulitan dalam berkomunikasi secara efektif dalam masyarakat (Kamarudin Husin, 2010). Selain itu, semasa proses menulis, murid-murid juga akan membaca kembali apa yang telah mereka tulis untuk memahaminya. Namun, tulisan yang tidak kemas dan jelas boleh mengganggu pemahaman dan pembacaan mereka.

Oleh itu, di peringkat awal pendidikan sangat penting untuk memberi penekanan kepada kemahiran pratulis dan tulisan mekanis kepada murid-murid. Dalam konteks ini, BPK telah mengesyorkan bahawa kemahiran menulis dengan cara yang betul dan kemas secara mekanis sepatutnya menjadi standard kandungan yang utama dalam DSKP BTSK dari tahun satu hingga tahun enam. Tujuan daripada ini adalah untuk memastikan setiap murid dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik (BPK, 2016).

Namun, keputusan PBS akhir tahun 2020 bagi murid bukan penutur natif tahun satu yang mempelajari bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan di empat Sekolah Kebangsaan di negeri Pulau Pinang menunjukkan bahawa mereka menghadapi kesulitan dalam memperoleh penguasaan dalam kemahiran menulis bahasa Tamil (Thulasi, Chitra & Dhiliphan, 2021).



Jadual 1.1*Laporan PBS Akhir Tahun 2020*

Sekolah	Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis
Sekolah A	3 (tahap memuaskan)
Sekolah B	3 (tahap memuaskan)
Sekolah C	3 (tahap memuaskan)
Sekolah D	2 (tahap terhad)

Sumber: Diubahsuai daripada Thulasi et al. (2021), Tahap Prestasi Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Tamil Murid Bukan Penutur Natif di Sekolah Kebangsaan, Negeri Pulau Pinang

Jadual di atas menunjukkan keputusan PBS kemahiran menulis murid bukan penutur natif yang mempelajari bahasa Tamil sebagai bahasa kedua di Negeri Pulau Pinang. Dalam konteks ini, pencapaian mereka hanya mencapai tahap yang memuaskan. (Thulasi et al., 2021).

Selain daripada itu, dapatan kajian *Tahap Prestasi Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Tamil Murid Bukan Penutur Natif di Sekolah Kebangsaan* yang melibatkan 92 orang murid bukan penutur natif menunjukkan bahawa purata penguasaan kemahiran menulis bahasa Tamil berada pada tahap memuaskan (Thulasi et al., 2021).

Jadual 1.2*Tahap Prestasi Kemahiran Menulis Bahasa Tamil Murid Bukan Penutur Natif*

Standard Kandungan:	Tahap Penguasaan						Purata Penguasaan
	1	2	3	4	5	6	
Menulis dengan betul dan kemas	Sangat Terhad	Terhad	Memuaskan	Baik	Sangat baik	Cemerlang	
	5	13	53	11	8	2	3
	(5%)	(14%)	(58%)	(12%)	(9%)	(2%)	

Sumber: Diubahsuai daripada Thulasi et al. (2021), Tahap Prestasi Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Tamil Murid Bukan Penutur Natif Di Sekolah Kebangsaan

Merujuk pada Jadual 1.2, dapat disimpulkan bahawa untuk standard kandungan menulis dengan bentuk yang betul dan kemas, terdapat perincian tahap pencapaian murid iaitu seramai lima (5%) murid berada dalam tahap yang sangat rendah, 13 (14%) murid berada dalam tahap terhad, 53 (58%) murid berada dalam tahap yang memuaskan, 11 (12%) murid berada dalam tahap baik, lapan (9%) murid berada dalam tahap sangat baik dan hanya dua (2%) murid berada dalam tahap cemerlang (Thulasi et al., 2021)

Selain itu, kajian sebelumnya yang dijalankan oleh Nora' Azian (2020), turut menunjukkan kesimpulan yang serupa dimana prestasi dan pencapaian murid dalam ujian menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran menulis, terutama dalam konteks bahasa kedua atau bahasa asing masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Tinjauan terhadap pernyataan yang diberikan menunjukkan bahawa hasil kajian-kajian sebelum ini telah mengemukakan kebimbangan mengenai prestasi kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan. Hal ini bererti bahawa murid-murid yang mempelajari bahasa Tamil sebagai bahasa kedua menghadapi

kesukaran dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Tamil. Keadaan ini telah dijelaskan melalui dapatan kajian yang menunjukkan prestasi rendah dalam ujian-ujian yang telah dijalankan.

Jika isu ini tidak mendapat perhatian yang serius dan langkah-langkah tindakan yang tepat, risiko yang besar adalah bahawa objektif yang telah ditetapkan dalam standard kandungan kemahiran menulis DSKP BTKS tidak akan tercapai. Ini bermakna bahawa murid-murid bukan penutur natif tidak akan mencapai tahap penguasaan kemahiran menulis yang diharapkan oleh BPK. Di samping itu, impak yang lebih meluas akan terasa terhadap cita-cita KPM untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai pilihan utama pendidikan bagi semua lapisan masyarakat di negara ini. Sekiranya murid-murid bukan penutur natif menghadapi kesulitan dalam menguasai kemahiran menulis bahasa Tamil, hal ini berpotensi menurunkan minat dan keyakinan terhadap sistem pendidikan di Sekolah Kebangsaan.

Oleh itu, penyelidikan ini memainkan peranan yang penting dalam usaha memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan mencapai visi Malaysia Madani. Dalam usaha untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan pilihan utama untuk semua kaum dan keturunan di negara ini, adalah penting untuk memastikan bahawa semua pelajar, termasuk murid bukan penutur natif, memiliki kemahiran yang baik dalam berbagai aspek bahasa, termasuk bahasa Tamil. Dengan mengenal pasti masalah dan punca dalam kemahiran menulis bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan, penyelidikan ini memberikan pandangan yang lebih jelas mengenai cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari bahasa Tamil. Modul tulisan yang akan dibina berdasarkan penyelidikan ini akan membantu meningkatkan



kemahiran menulis yang berkualiti dan memperbaiki amalan penulisan yang baik. Ini sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani, yang menekankan pembentukan individu yang berpengetahuan, berkebolehan, dan beretika dalam semua aspek kehidupan.

Selain daripada itu, hasil daripada penyelidikan ini akan membantu meningkatkan prestasi kemahiran menulis bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan. Keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Tamil akan memupuk perpaduan dalam masyarakat majmuk Malaysia, sejalan dengan cita-cita Malaysia Madani yang menitikberatkan pada pembinaan sebuah masyarakat yang harmoni, inklusif, dan saling memahami. Kajian ini juga akan memberi sumbangan kepada peningkatan kualiti pendidikan di Sekolah Kebangsaan secara keseluruhan. Dengan mengenal pasti isu dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasinya, sistem pendidikan dapat ditingkatkan dan diperbaiki, memberi manfaat kepada semua murid tanpa mengira latar belakang etnik atau bahasa. Keseluruhannya, penyelidikan ini berperanan sebagai langkah awal dalam mewujudkan visi Malaysia Madani yang berteraskan masyarakat yang berpengetahuan, bersatu-padu, dan bertoleransi.

1.4 Objektif Kajian

Penyelidikan ini amat penting untuk meningkatkan kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan. Aspek-aspek yang diberi fokus untuk penyelidikan ini adalah berdasarkan objektif-objektif berikut.



1. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan.
2. Mengkaji punca masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan.
3. Membangunkan modul tulisan kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk 5G* untuk membantu meningkatkan kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan.
4. Menilai keberkesanan modul tulisan kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk 5G* dalam meningkatkan pencapaian kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan.

Berdasarkan objektif penyelidikan tersebut, penyelidikan ini telah membina empat soalan penyelidikan. Keempat-empat soalan penyelidikan adalah seperti berikut.

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan?
2. Apakah punca masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan?
3. Bagaimanakah membangunkan modul tulisan kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk 5G* untuk membantu meningkatkan kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif di Sekolah Kebangsaan?

4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian kemahiran menulis bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif antara ujian pra dan ujian pasca?
- a) huruf
 - b) perkataan
 - c) frasa
 - d) keseluruhan kemahiran menulis

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian empat, beberapa hipotesis telah dibentuk bagi menguji

dapatan kajian. Berikut merupakan hipotesis kajian:

- H_{o1} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian kemahiran menulis huruf bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif antara ujian pra dan ujian pasca.
- H_{a1} Terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian kemahiran menulis huruf bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif antara ujian pra dan ujian pasca.
- H_{o2} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian kemahiran menulis perkataan bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif antara ujian pra dan ujian pasca.




- H_{a2} Terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian kemahiran menulis perkataan bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif antara ujian pra dan ujian pasca.
- H_{o3} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian kemahiran menulis frasa bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif antara ujian pra dan ujian pasca.
- H_{a3} Terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian kemahiran menulis frasa bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif antara ujian pra dan ujian pasca.
- H_{o4} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian keseluruhan kemahiran menulis bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif antara ujian pra dan ujian pasca.
- H_{a4} Terdapat perbezaan yang signifikan bagi min pencapaian keseluruhan kemahiran menulis bahasa Tamil bagi murid bukan penutur natif antara ujian pra dan ujian pasca.



1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1.2

Kerangka Konseptual Kajian



Menurut Suffian Jalet dan Jamal (2021), kerangka konseptual kajian dibina berdasarkan kerangka teori yang digunakan dalam pelaksanaan sesuatu kajian. Ia penting bagi sesuatu kajian kerana memberi gambaran yang menyeluruh tentang pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian serta dimensi dan konstruk yang berkenaan. Untuk menjelaskan lagi, kerangka konseptual kajian menyediakan arah aliran kerja dan hala tuju yang jelas kepada penyelidik apa yang perlu dilakukan dalam kajian. Ia akan menunjukkan hubungan antara teori, model dan pemboleh ubah. Hubungan ini membolehkan penyelidik memberi fokus kepada masalah yang ingin dikaji.

Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini, yang dibentuk berasaskan Model McBride dan Schostak (1994). Model ini bersesuaian dengan langkah yang diambil oleh pengkaji dalam membuat kitaran kajian tindakan berdasarkan pada objektif kajian. Maka, kerangka konseptual kajian ini merangkumi objektif kajian, model rekabentuk pembangunan modul yang digunakan, aplikasi teori-teori dalam pembangunan modul tulisan dan juga pembolehubah utama. Kajian ini bermula dengan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan dan mengkaji punca masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan melalui temu bual separa berstruktur dan pemerhatian terhadap ujian pra. Seterusnya, membangunkan satu modul tulisan dan menguji kesan modul tersebut ke atas pencapaian murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis huruf, perkataan, dan frasa bahasa Tamil. Pencapaian murid dilihat dan dianalisis melalui ujian pra dan ujian pasca.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian tindakan ini mempunyai kepentingan dan modul tulisan kaedah *Kumpulan Huruf Sama Bentuk G5* diharap dapat memberi sumbangan kepada KPM dan JPN, Institut Pendidikan Guru (IPG), guru BTSK, murid bukan penutur natif, ibu bapa, masyarakat, dan bidang ilmu bahasa Tamil dan bidang penyelidikan.

1.8.1 Sumbangan kepada KPM

Kajian ini memberi sumbangan yang penting kepada KPM dalam merancang strategi yang lebih baik dan membuat penambahbaikan atau pengubahsuaian terhadap kurikulum yang sedia ada untuk mata pelajaran BTSK terutama berfokus kepada aspek kemahiran menulis. Pengubahsuaian kurikulum ini amat digalakan kerana murid bukan penutur natif memerlukan pendekatan yang lebih mudah untuk meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap kemahiran bahasa kedua. Ini kerana proses pembelajaran dan penguasaan kemahiran berbahasa dalam bahasa pertama dan bahasa kedua memang berbeza. Hal ini menyebabkan murid bukan penutur natif menghadapi cabaran tambahan dalam mempelajari bahasa Tamil sebagai bahasa kedua.

1.8.2 Sumbangan kepada IPG

Kajian ini memberi sumbangan yang ketara kepada IPG agar dapat melibatkan bakal guru dalam perbincangan dan bengkel yang bertujuan untuk memperkayakan



pengajaran kemahiran bahasa. Ini disebabkan IPG menjadi medium untuk melahirkan seorang bakal guru yang berkualiti tinggi bersesuaian dengan kehendak hasrat pendidikan negara. Maka, IPG boleh memperkenalkan bakal guru kepada pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif Sekolah Kebangsaan dan turut boleh menggunakan modul tulisan yang dibangun dalam kajian ini sebagai bahan rujukan tambahan.

1.8.3 Sumbangan kepada Guru BTSK

Kajian ini juga turut dapat membantu guru-guru BTSK untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid bukan penutur natif dalam kemahiran menulis bahasa Tamil.

Seterusnya, guru-guru dapat merancang dan mengaplikasikan kaedah pengajaran yang sesuai untuk menyelesaikan masalah tersebut. Tambahan lagi, modul tulisan yang dibangun melalui kajian ini akan membantu guru BTSK mengajar kemahiran menulis dengan mudah dan berkesan untuk mencapai objektif pembelajaran kemahiran menulis BTSK seperti yang ditetapkan dalam DSKP oleh pihak KPM.

1.8.4 Sumbangan kepada Murid Bukan Penutur Natif

Kajian ini turut dapat memberi sumbangan kepada murid bukan penutur natif dengan mengaplikasikan kaedah baru dalam meningkatkan penguasaan kemahiran menulis bahasa Tamil mereka. Dengan adanya modul tulisan bahasa Tamil murid bukan penutur



natif berasa lebih yakin untuk belajar literasi bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan. Pada masa yang sama, diharapkan agar modul tulisan ini dapat membantu murid-murid mempelajari tulisan bahasa Tamil dengan mudah, cepat dan betul.

1.8.5 Sumbangan kepada Ibu Bapa

Kajian ini juga dapat memberi sumbangan kepada ibu bapa murid bukan penutur natif dengan membantu untuk mengetahui masalah kemahiran menulis bahasa Tamil yang hadapi oleh murid bukan penutur natif dan punca masalah kemahiran menulis bahasa Tamil. Selain itu, ibu bapa juga dapat menggunakan modul tulisan yang dibagunkan dalam kajian ini semasa di rumah sebagai bahan bantu mengajar kemahiran menulis

1.8.6 Sumbangan Kepada Masyarakat

Kajian ini juga memberi sumbangan kepada masyarakat yang ingin mempelajari atau meningkatkan kemahiran menulis bahasa Tamil. Modul tulisan yang dibagunkan dalam kajian ini, mungkin dapat menyediakan petunjuk langkah demi langkah, latihan-latihan, dan teknik-teknik yang efektif dalam mempelajari kemahiran menulis bahasa Tamil. Dengan menggunakan modul ini, masyarakat dapat meningkatkan penguasaan mereka dalam menulis bahasa Tamil dengan lebih mudah dalam masa yang singkat.

Selain itu, modul tersebut juga dapat digunakan oleh individu dari pelbagai peringkat umur. Tidak kira sama ada mereka pelajar sekolah, dewasa, atau warga emas, modul tersebut dapat disesuaikan untuk memenuhi keperluan pembelajaran mereka. Ini membolehkan masyarakat dari pelbagai etnik dan lapisan umur untuk memperoleh kemahiran menulis bahasa Tamil yang lebih baik tanpa had. Dengan adanya modul tulisan ini, masyarakat dapat mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemahiran menulis bahasa Tamil mereka. Ini membantu memperkuat penggunaan bahasa Tamil dalam komuniti dan memupuk kecintaan terhadap bahasa Tamil.

1.8.7 Sumbangan kepada Bidang Ilmu Bahasa Tamil dan Bidang Penyelidikan

Kajian ini memberikan sumbangan yang berharga kepada bidang ilmu dalam memenuhi kekurangan bahan rujukan terhadap pembelajaran kemahiran menulis bahasa Tamil untuk murid bukan penutur natif. Modul tulisan yang diterokai dari kajian ini dapat memberikan pendekatan yang lebih terarah dan berstruktur dalam meningkatkan kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif. Selain daripada itu, keunikan kajian ini terletak pada fokusnya yang khusus terhadap masalah kemahiran menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif di negara ini. Sebelumnya, kajian-kajian dalam bidang ini kurang dilakukan, yang menyebabkan kurangnya bahan rujukan yang relevan dan khusus. Dengan adanya kajian ini, ia membawa pengetahuan baru dan maklumat berkaitan dengan masalah menulis bahasa Tamil murid bukan penutur natif.



Seterusnya, hasil kajian ini juga dapat memberikan inspirasi kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam dalam bidang ilmu ini. Maklumat dan penemuan dari kajian ini boleh dijadikan sebagai landasan untuk penyelidikan lanjutan yang lebih komprehensif tentang masalah pembelajaran bahasa Tamil murid bukan penutur natif. Ini akan membantu meningkatkan pemahaman dan pengembangan strategi pembelajaran yang lebih efektif dalam konteks ini. Selain memberikan manfaat kepada guru-guru dalam mengajar, kajian ini juga memberikan sumbangan kepada pengembangan ilmu dalam bidang ini dengan menyediakan maklumat yang signifikan.

1.9 Batasan Kajian



Batasan kajian adalah penting untuk memastikan agar perbincangan yang dilakukan menuju ke hala tuju yang tepat dan teratur serta tidak terpesong daripada masalah kajian. Kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti lokasi kajian, tempoh kajian, responden kajian, fokus kajian dan faktor kajian.

1.9.1 Lokasi Kajian

Dari segi lokasi dan jenis sekolah pula, kajian ini terbatas kepada 16 buah Sekolah Kebangsaan di seluruh Malaysia yang menawarkan mata pelajaran bahasa Tamil sebagai bahasa tambahan. Justifikasi pemilihan lokasi kajian ini adalah berdasarkan





kepada bilangan murid bukan penutur natif yang mencukupi mengikut keperluan kajian ini.

1.9.2 Tempoh Kajian

Temu bual separa berstruktur dijalankan mengikut kesesuaian masa responden (guru BTSK). Pemerhatian akan dilakukan terhadap masalah kemahiran menulis semasa ujian pra dijalankan, markah ujian pra dan ujian pasca akan direkod. Tempoh masa dihadkan adalah satu minggu untuk menjalankan ujian pra, 15 minggu bagi pelaksanaan rawatan terhadap peserta kajian (murid bukan penutur natif) dan satu minggu lagi untuk menjalankan ujian pasca. Maka, kajian ini dijalankan selama 17 minggu untuk mengumpul data dari lokasi kajian. Seterusnya, pengkaji mengambil enam bulan untuk proses menganalisis data dan menulis laporan dapatan kajian.

1.9.3 Peserta dan Responden Kajian

Kajian ini terbatas kepada kepada 16 orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Tamil tahun satu di Sekolah Kebangsaan dan 280 orang murid bukan penutur natif yang belajar bahasa Tamil di tahun satu di Sekolah Kebangsaan. 280 murid tersebut dijadikan sebagai kumpulan eksperimen. Kesemua peserta dan responden tersebut dipilih dari 16 buah Sekolah Kebangsaan yang menawarkan mata pelajaran bahasa Tamil di seluruh Malaysia.



1.9.4 Fokus Kajian

Fokus kajian ini hanya terbatas kepada kemahiran menulis BTSK tahun satu. Kandungan kemahiran menulis yang diuji berdasarkan pada standard kandungan 3.1 yang digariskan dalam DSKP BTSK tahun satu iaitu menulis secara mekanis dengan bentuk yang betul dan kemas (huruf, perkataan, dan frasa).

1.9.5 Faktor Kajian

Kajian ini juga terbatas kepada faktor lain seperti guru yang mengendalikan ujian pra, ujian pasca dan pemerhatian terhadap peserta kajian. Semua guru yang terlibat dalam kajian ini, diberi penerangan yang terperinci sebelum memulakan kajian. Guru-guru tersebut bertanggungjawab dalam pengedaran kertas ujian, mengendalikan ujian pra dan ujian pasca, mengadakan pemerhatian berpandukan borang senarai semak semasa ujian pra dilaksanakan, mengutip kertas ujian, memeriksa kertas ujian, dan merekod markah ujian.

1.10 Definisi Operasional

Bahagian ini menghuraikan definisi operasional bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi operasional diperlukan untuk mentakrifkan istilah utama yang digunakan dalam kajian ini, serta membolehkan pembaca membezakan maksud

istilah tersebut dalam konteks pemahaman umum dengan konteks khusus dalam kajian ini. Dalam kajian ini, terdapat tiga definisi operasional yang akan dibincangkan.

1.10.1 Kemahiran Menulis

Menurut Kamus Pelajar: Bahasa Malaysia (2015), kemahiran menulis adalah kecekapan membuat huruf, menyatakan fikiran atau perasaan dengan tulisan, dan mengarang. Mohamed Noh dan Fadilah (2020) menyatakan bahwa kemahiran menulis lebih kompleks dibandingkan kemahiran bahasa lain dan penting untuk kanak-kanak. Penguasaan kemahiran menulis membantu kanak-kanak dalam pembelajaran sepanjang hayat dan komunikasi bertulis.

Menurut Lust dan Donica seperti dinyatakan dalam Linda, Andrew, dan Cecilia (2019), tulisan tangan merupakan bentuk yang signifikan kepada komunikasi bertulis sepanjang hidup mereka. Kanak-kanak yang menguasai kemahiran menulis dengan baik akan cenderung untuk berjaya pada masa hadapan. Manakala, Mahzan Arshad (2008), pula berpendapat setiap murid harus menguasai kemahiran menulis kerana melalui kemahiran ini murid dapat memperkembangkan kecerdasan akal dan pemikiran melalui penulisan. Selain itu, menulis juga dikatakan sebagai salah satu kemahiran yang amat penting dalam kehidupan harian.

Hasnah Awang (2010), memperihalkan bahawa kemahiran menulis merupakan kemampuan murid menulis huruf, perkataan, ayat dan menjana idea melalui pelbagai jenis penulisan dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca, ejaan yang betul,

tulisan yang jelas, cantik dan kemas. Kanopathy (2013), menyatakan bahawa kemahiran menulis boleh dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama adalah menulis huruf dengan jelas, tepat, teratur, kemas dan cantik. Peringkat kedua ialah menghasilkan penulisan seperti karangan, cerita, novel, puisi dan sebagainya. Dalam kedua-dua peringkat ini kemahiran menulis mekanis dikategorikan dalam peringkat pertama. Menulis huruf-huruf dengan jelas, tepat, teratur, kemas dan cantik mengikut cara yang betul dikatakan sebagai kemahiran menulis mekanis.

Dalam kajian ini kemahiran menulis bahasa Tamil merujuk kepada kemahiran menulis mekanis iaitu keupayaan murid menulis huruf vokal, *aaitham*, huruf konsonan, sukukata bahasa Tamil, huruf-huruf *grantha* dan juga perkataan serta frasa bahasa Tamil dengan menepati bentuk yang betul, saiz yang seragam, jarak antara huruf, perkataan, frasa konsisten, tulisan yang jelas, cantik dan kemas.

1.10.2 Peningkatan Kemahiran

Peningkatan kemahiran merujuk kepada proses di mana seseorang meningkatkan kebolehan mereka dalam kemahiran atau bidang tertentu, dicirikan oleh perubahan positif yang boleh diukur dalam prestasi atau hasil kerja. Ini boleh dicapai melalui latihan, bimbingan, dan pembelajaran berterusan serta diukur melalui penunjuk seperti ketepatan, kelajuan, kualiti keputusan, atau tahap pemahaman (Ericsson, Krampe, & Tesch, 1993). Dalam konteks kajian ini, peningkatan kemahiran merujuk pada perubahan positif yang terukur dalam kemampuan murid untuk menghasilkan tulisan yang memenuhi kriteria dasar tulisan yang baik. Iaitu menepati bentuk yang betul, saiz

yang seragam, jarak antara huruf, perkataan, frasa konsisten, tulisan yang jelas, cantik dan kemas. Pengukuran peningkatan ini boleh dilakukan melalui penilaian prestasi penulisan murid berdasarkan rubrik yang telah dibangunkan khusus untuk menilai aspek tersebut.

1.10.3 Murid Bukan Penutur Natif

Cambridge Advanced Learner's Dictionary and Thesaurus (2021), mentakrifkan istilah bukan natif sebagai seseorang yang telah mempelajari sesuatu bahasa semasa usia kanak-kanak atau dewasa dan bukannya sejak bayi lagi. Menurut Nora (2018), pula murid bukan penutur natif merupakan golongan penutur bahasa kedua yang menggunakan bahasa selain bahasa ibunda atau bahasa pertama.

Dalam konteks kajian ini, murid bukan penutur natif merupakan murid yang bahasa ibundanya bukan bahasa Tamil. Selain itu, murid yang bahasa ibundanya bahasa Telugu, Malayalam, dan Kannada juga tidak akan termasuk dalam kajian ini. Ini kerana bahasa-bahasa tersebut tergolong dalam keluarga bahasa Dravida. Menurut Mohd Irman dan Abdul Qayyum (2016), Dravida merupakan satu istilah yang digunakan oleh ahli-ahli bahasa sebagai bahasa induk kepada 20 bahasa termasuk bahasa Tamil, Telugu, Malayalam, dan Kannada. Rumpun bahasa Dravida mempunyai ciri-ciri persamaan antara satu sama lain. Ia mempunyai ciri-ciri tatabahasa, gaya penulisan dan sebutan yang tersendiri.



1.11 Rumusan

Pada bahagian awal bab ini telah membincangkan secara umum mengenai bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan. Ini bagi membolehkan pengkaji mengenali latar belakang kajian ini. Kemahiran menulis bahasa Tamil lebih banyak dibincangkan kerana kajian ini berfokus perkara tersebut. Hala tuju kajian ini telah dirumuskan berdasarkan empat objektif kajian dan telah diselaraskan melalui tujuh soalan kajian. Tujuh soalan kajian itu juga telah digunakan oleh pengkaji sebagai panduan untuk melengkapkan keseluruhan kajian ini. Bagi membolehkan pembaca memahami dengan baik aspek penting yang terdapat dalam kajian ini, definisi operasional juga dihuraikan secara ringkas di dalam bab ini. Definisi operasional yang dinyatakan dalam kajian ini membolehkan pembaca membezakan maksud istilah dalam konteks pemahaman umum dengan konteks istilah dalam kajian ini. Huraian lanjut dan terperinci tentang aspek yang terdapat dalam definisi operasional diberikan dalam bab seterusnya, iaitu Bab 2 Tinjauan Literatur.

